



31 Disember 2014
31 December 2014
P.U. (A) 362

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN (POTONGAN DARIPADA SARAAN) (PINDAAN) (NO. 2) 2014

INCOME TAX (DEDUCTION FROM REMUNERATION) (AMENDMENT) (NO. 2) RULES 2014



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN (POTONGAN DARIPADA SARAAN)
(PINDAAN) (NO. 2) 2014

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 154(1)(a) Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*], Menteri membuat kaedah-kaedah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan daripada Saraan) (Pindaan) (No. 2) 2014**.

(2) Kaedah-Kaedah ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2015.

Pindaan kaedah 2

2. Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan daripada Saraan) 1994 [*P.U. (A) 507/1994*], yang disebut "Kaedah-Kaedah ibu" dalam Kaedah-Kaedah ini, dipinda dalam kaedah 2 dengan menggantikan takrif "saraan" dengan takrif yang berikut:

‘ "saraan" ertinya pendapatan berkenaan dengan perolehan atau keuntungan daripada sesuatu pekerjaan sebagaimana yang dinyatakan dalam subseksyen 13(1) Akta;’.

Pemotongan kaedah 2A

3. Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan memotong kaedah 2A.

Pindaan kaedah 3

4. Kaedah 3 Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan menggantikan nota birai dengan nota birai yang berikut:

"Potongan cukai secara bulanan."

Pindaan kaedah 10

5. Subkaedah 10(1) Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “ke sepuluh” dengan perkataan “kelima belas”.

Pindaan kaedah 13

6. Kaedah 13 Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “ke sepuluh” dengan perkataan “kelima belas”.

Penggantian Jadual

7. Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan menggantikan Jadual dengan Jadual yang berikut:

“JADUAL
[Kaedah 3]

Tafsiran

1. Dalam Jadual ini—

“Jadual Potongan Cukai Bulanan” ertinya Jadual Potongan Cukai Bulanan yang dikeluarkan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia bagi majikan yang tidak menggunakan Pengiraan Berkomputer;

“Pengiraan Berkomputer” ertinya suatu kaedah yang digunakan oleh majikan untuk menentukan Potongan Cukai Bulanan—

- (a) dengan menggunakan sistem yang dibangunkan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia; atau
- (b) dengan menggunakan sistem pembayaran gaji berkomputer yang disediakan oleh pembekal perisian atau yang dibangunkan atau diubah suai oleh majikan, mengikut spesifikasi yang ditentukan dan disahkan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia;

“Potongan Cukai Bulanan” ertinya potongan cukai pendapatan daripada saraan bulanan semasa pekerja mengikut formula yang dinyatakan dalam Jadual ini;

“saraan biasa” ertinya saraan bulanan tetap yang dibayar kepada pekerja sama ada amaun yang dibayar adalah tetap atau berubah-ubah sebagaimana yang dinyatakan dalam kontrak perkhidmatan secara bertulis atau sebaliknya;

“saraan tambahan” ertinya apa-apa bayaran tambahan kepada saraan biasa bulan semasa yang dibayar kepada pekerja sama ada secara sekaligus, berkala, tertunggak atau bayaran yang tidak tetap.

Penentuan amaun Potongan Cukai Bulanan

2. (1) Amaun Potongan Cukai Bulanan ditentukan berdasarkan—

(a) Jadual Potongan Cukai Bulanan; atau

(b) Pengiraan Berkomputer.

(2) Dalam menentukan amaun Potongan Cukai Bulanan berdasarkan Pengiraan Berkomputer, majikan hendaklah membenarkan pekerja untuk membuat tuntutan potongan yang dibenarkan dan rebat di bawah Akta tidak kurang daripada dua kali dalam tahun semasa.

(3) Tuntutan di bawah subperenggan (2) hendaklah dibuat dalam borang yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah.

Kategori pekerja

3. (1) Bagi maksud menentukan amaun Potongan Cukai Bulanan, pekerja dibahagikan kepada 3 kategori seperti yang berikut:

(a) Kategori 1 – Bujang;

- (b) Kategori 2 – Berkahwin dan suami atau isteri tidak bekerja; dan
- (c) Kategori 3 – Berkahwin dan suami atau isteri bekerja, bercerai atau kematian suami atau isteri, atau bujang yang mempunyai anak angkat.

Penentuan amaun Potongan Cukai Bulanan berdasarkan Jadual Potongan Cukai Bulanan

4. (1) Amaun Potongan Cukai Bulanan berdasarkan Jadual Potongan Cukai Bulanan ditentukan mengikut formula yang berikut:

$$\text{Potongan Cukai Bulanan} = \frac{[(P - M) R + B]}{12}$$

iaitu $P = [(Y - K^*) \times 12] + (\sum Y_{t1} - K_{t1}^{**})^{**} + (Y_t - K_t^{**})^{**} - (D + S + QC)$

P Jumlah pendapatan yang boleh dikenakan cukai untuk setahun;

Y Saraan biasa kasar bulan semasa;

K Caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja atau skim diluluskan yang lain yang dibayar berkenaan dengan Y, tertakluk kepada jumlah amaun yang layak setahun;

$\sum(Y_{t1} - K_{t1})$ Jumlah saraan tambahan bersih terkumpul yang dibayar kepada pekerja dalam tahun semasa, tidak termasuk saraan tambahan bulan semasa;

Y_{t1} Jumlah saraan tambahan kasar terkumpul yang dibayar